



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PELANCARAN HALA TUJU STRATEGIK KE  
ARAH BANDARAYA SEBERANG PERAI YANG  
MAMPAK DAN LESTARI (*SEBERANG PERAI  
STRATEGIC DIRECTION TOWARDS SMART  
SUSTAINABLE CITY*) DAN MAJLIS PENYAMPAIAN  
HADIAH ASPIRING SEBERANG PERAI PHOTOGRAPHY  
AWARDS 2019

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**17 SEPTEMBER 2019 ( SELASA)**

**MENARA BANDARAYA**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

---

*Ucapan YBhg. Dato' YDP MPSP 2019*

## **Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**  
Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (EXCO)  
Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan, Perumahan dan  
Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Wakil daripada AADK**

**Wakil daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris**

**Wakil daripada Universiti Sains Malaysia**

**Wakil daripada Universiti Malaysia Kelantan**

**Wakil daripada UCLG Aspac**

**Wakil daripada United Nation Development Programme**

**Wakil daripada Think City**

**Wakil daripada Autocity**

**Wakil daripada JCI**

**Wakil daripada Lions Club**

**Wakil daripada Kampung Permatang Nibong**

**Wakil daripada Kampung Kepala Gajah**

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah rahmatnya sekali lagi dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi yang penuh barokah ini bagi meraikan beberapa pelancaran iaitu Majlis Pelancaran Hala Tuju Strategik Seberang Perai Ke Arah Bandaraya Pintar dan Mampan (Bagaimana Kami Merancang Untuk Menyediakan Perkhidmatan Strategik Dalam Masa tiga (3) bulan setelah mendapatkan status bandaraya), Majlis Penyampaian Hadiah *Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2019* dan Majlis Menandatangani *Memorandum Of Understanding (MOU)* Rakan Strategik bersama agensi-agensi kerajaan, pertubuhan antarabangsa, komuniti dan badan-badan bukan kerajaan.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Pengerusi MMK Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa, Ahli-ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, wakil-wakil daripada agensi kerajaan, pertubuhan antarabangsa, komuniti dan badan-badan bukan kerajaan yang sudi meluangkan masa untuk hadir ke Program Hari Bandaraya ini.

**YB Tuan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan

penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada **4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain didunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat mengehadkan pemanasan global ke 1.5 degree Celcius.

### **YB Tuan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Rakyat tertanya-tanya apakah perubahan yang akan dibawa oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai selepas menjadi bandar raya atau hanya pertukaran pada nama sahaja. YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh telah dapat menjangka kemahuan rakyat dan mengarahkan saya untuk menyediakan Perancangan Bandar raya jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Alhamdulillah, pagi ini saya mahu memberi penghargaan kepada semua Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan yang telah turun padang mendengar pandangan rakyat dan mendokumen hala tuju strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Malahan ianya menjadi Kontrak Sosial bagi menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”. Kontrak sosial ini menandakan bermulanya era

*Contemporary Society* yang berpegang kepada falsafah “ Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Berpaksikan Rakyat”.

Pembersihan Premis Makanan menjadi salah satu aspek utama yang akan di beri perhatian oleh MBSP bersesuaian dengan Penang2030 dibawah Tema A2 *Continue to improve public safety and cleanliness* dan saranan YB Tuan Jagdeep Singh Deo sendiri yang mahu MBSP memastikan 70% premis makanan akan berada pada Gred A dan 30% pada Gred B pada tahun 2020. Selain itu 50% pasar awam akan berada pada gred A dan 50% pada Gred B pada tahun 2020. Justru tindakan segera yang akan diambil adalah mengadakan Retreat Pengendali makanan supaya 1300 pengusaha yang berada di Gred C daripada 2141 pengusaha premis makanan, diberi pendedahan sejelas-jelasnya untuk mencapai sasaran gred B atau C.

Bagi membuka peluang-peluang perniagaan kepada rakyat Seberang Perai, khususnya golongan B40 dan M40, supaya dapat *uplift vulnerable communities and reduce inequalities* selaras dengan tema C1 Penang2030, MBSP akan mengukuhkan dan mempromosikan Garis Panduan Trak Makanan, Garis Panduan Pusat Mencuci Kenderaan secara manual, Garis Panduan Lesen Bertempoh dan Garis Panduan Permit Sementara Perniagaan. Di samping itu, MBSP juga akan memberi fokus kepada pembangunan ekonomi tempatan(LED) melalui membangunkan serta

menaik taraf ruang pelbagai guna yang boleh digunakan untuk tujuan perniagaan, rekreasi dan sukan, kegunaan acara dan sosial, mengadakan santai pengusaha yang akan mempertemukan antara institusi kewangan dan perbankan dengan peniaga-peniaga bagi membantu pembiayaan perniagaan golongan B40. MBSP juga akan mengadakan Hari Mesra Pelanggan bagi memudahkan dan menyelesaikan isu-isu harian peniaga dalam program “Anda ada masalah, kami permudah”, “Anda bantu kami bantu” setiap tiga (3) bulan. Program berikutnya akan diadakan pada 18 Sept 2019.

**YB Tuan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Majlis Bandaraya yang baru dinaik taraf, harus dilihat mampu mewujudkan bandar yang sejahtera, mampu meningkatkan liveability untuk meningkatkan kualiti hidup seperti yang dinyatakan dalam tema A Penang2030. Justru MBSP akan mengadakan kerjasama strategik dengan pertubuhan sukarela diperingkat tempatan dan antarabangsa seperti Save Our Strays (SOS), Pertubuhan Pemuliharaan Anjing Terbiar (MERCY) Perai, *Society For The Prevention Of Cruelty To Animals* (SPCA) untuk pemandulan 20,000 ekor anjing liar dalam tempoh 6 bulan.

MBSA akan memperkasakan Skuad Krisis Pengendalian Wabak Denggi disetiap daerah dengan kekuatan 150 orang anggota dan

bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam usaha membendung wabak denggi.

Mengadakan program untuk mengukuhkan ikatan keluarga bagi menyokong *Penang 2030 A Family-Focused, Green and Smart State that Inspire The Nation*. Program *Fun Walk* dijenamakan semula supaya semua anggota keluarga iaitu suami, isteri, bayi, anak, ibu dan ayah boleh mengambil bahagian. Program *Healthier Places, Healthier People* yang menerapkan elemen GRPB di dalam setiap pelaksanaan program.

Mewujudkan Zon Budaya di sekitar Butterworth Artwalk bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti zumba, *busking*, kesenian, kebudayaan dan lain-lain. Dengan ini, ia dapat menepati kehendak *people centric* yang memberi keutamaan kepada warga emas, remaja, kanak-kanak dan dewasa.

Mengadakan **Hari Warisan** bagi memperkenalkan budaya dan Warisan Seberang Perai serta menarik pelancong ke Seberang Perai.

## **YB Tuan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Majlis Bandaraya yang baru ditubuhkan ini juga perlu dilihat mampu menyelesaikan isu *housing affordability and diversity* untuk meningkatkan kualiti hidup seperti yang ditekankan dalam tema A1 Penang2030.

- a. Memperkenalkan “Skim Pemberian Nombor Rumah Kediaman Kampong”, bagi memudahkan pemuda rumah kampong memiliki rumah, alamat kediaman dan memberi keselesaan.
- b. Mempromosi *housing democracy* dalam pemilikan rumah bagi setiap pekerja. Mengadakan program *match making* di antara institusi perbankan, pemaju perumahan dan pekerja.
- c. Garis Panduan Rumah Sederhana Rendah bertujuan memperbanyakkan bekalan rumah mampu milik di pasaran.
- d. Garis Panduan Pindaan dan Tambahan Ruang Kediaman bagi memberikan ruang keselesaan kepada pemilik rumah.
- e. Buku Panduan Pindaan dan Tambahan Kecil Rumah Kediaman untuk kelulusan serta merta.

- f. Pelan Setara Rumah Sesebuah bagi membolehkan kelulusan segera untuk kemudahan pemilik rumah.

Pembersihan ada isu yang tak lapok dek hujan dan tak lekang dek panas. MBSP telah mengatur langkah untuk menjenamakan semula kerja-kerja pembersihan iaitu;

- a. Memperluaskan skop pembersihan ke kampung-kampung yang mempunyai rezab laluan serta permukaan bertar tidak kurang dari 8 kaki.
- b. Memperluaskan skop pembersihan ke pantai-pantai yang menjadi lokasi popular untuk beriadah.
- c. Pelan Tindakan Pembersihan dan Pelan Tindakan Pemantauan Pembersihan oleh kontraktor supaya Seberang Perai Bersih.
- d. Menstruktur semula zon pembersihan.
- e. Malantik kontraktor baru yang berwibawa untuk semua zon pembersihan.
- f. Memantapkan pengurusan jabatan, *Business Proses Reengineering (BPR)* penyelenggaraan kenderaan di PUSKEB, menyediakan bajet pembelian kenderaan baru seperti *compactor* dan *backhoe*.

- g. Mewujudkan sistem penyeliaan nisbah 1:10, satu penyelia bagi setiap 10 pekerja.
- h. Memperkemaskan sistem demerit, menamatkan kontrak pembersihan selepas 25% pemotongan berturut-turut dan memasukkan klausa penamatan ini dalam perjanjian.
- i. Menyediakan *standby team* pembersihan untuk mengambil alih kerja-kerja pembersihan daripada kontraktor yang ditamatkan.
- j. Mewujudkan senarai semak yang jelas bagi setiap lapisan pekerja.
- k. Memberi latihan kepada penyelia dan pekerja mengenai kerja-kerja yang perlu dilaksanakan secara *hands on* berpandukan senarai semak tugas.
- l. Mewujudkan sistem pemantauan pembuangan sampah haram yang berkesan.

**YB Tuan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Bagi menghargai usaha-usaha kakitangan MBSP dan wira orange yang telah banyak berjasa kepada rakyat, pihak pengurusan MBSP telah bersetuju supaya kadar perbelanjaan klinik panel dinaikkan. Bagi Ahli Majlis dan kakitangan yang bujang, perbelanjaan klinik panel iaitu RM250.00 akan dinaikkan menjadi RM400.00 manakala bagi Ahli Majlis dan kakitangan yang telah berkahwin akan dinaikkan daripada RM600.00 kepada RM1000.00. Bagi kakitangan yang suami dan isteri berkhidmat di MPSP,

kadar perbelanjaan semasa ialah RM600.00 akan dinaikkan menjadi RM1400.00. Kemudahan ini dipanjangkan juga kepada kedua ibu bapa kakitangan, pembelian cermin mata di premis cermin mata, perkhidmatan perubatan di Klinik Pakar Kanak-Kanak.

**YB Tuan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Warga Bandaraya dahagakan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang mudah dan pantas. Justru MBSP akan membangunkan *Cyber Counter* supaya penduduk boleh melaksanakan transaksi yang pantas melalui *Cyber Counter MyMBSP* seperti permohonan lesen, pembayaran cukai dan kompaun kesalahan, pemeriksaan status kompaun kesalahan, tempahan kemudahan-kemudahan sukan dan komuniti, mendapatkan maklumat terkini dan menyemak program-program yang dilaksanakan, tempat-tempat menarik dan lokasi pusat pengumpulan bahan-bahan kitar semula. MyMBSP mesra dengan telefon pintar, *Operating System* adalah Android atau iOS dan boleh dimuat turun melalui PlayStore.

**YB Tuan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Bagi mencapai sasaran bandaraya rendah karbon, MBSP telah menetapkan lima (5) strategi iaitu:

- (i) **Strategi 1 :Pengangkutan Hijau** dimana MBSP telah menyediakan Garis Panduan dimana setiap permohonan PKM yang dikemukakan pada atau selepas 1 Jun 2018 dikehendaki menyediakan Laluan Berbasikal. Pekerja MBSP diberi pinjaman pembelian basikal untuk menggalakkan *Cycle To Work*.
- (ii) **Strategi 2 :Bangunan Hijau**, insentif *Fast Track* plan kebenaran merancang akan diberikan kepada pemajuan yang direkabentuk menggunakan 15% tenaga yang boleh diperbaharui. Begitu juga pembangunan kompleks komersial yang mempunyai ruang lantai melebihi 5,000 meter persegi serta pembangunan komersial yang dibenarkan nisbah plot melebihi 1:3 dikehendaki memperolehi 15% dari tenaga yang boleh diperbaharui. MBSP juga akan mensyaratkan dalam PKM, GBI Certified (Green Building Index) bagi bangunan kediaman dan perdagangan dalam eco-city Batu Kawan.
- (iii) **Strategi 3 :Infrastruktur Hijau** melalui sumber tenaga elektrik daripada sumber tenaga yang diperbaharui (Renewable Energy), Dasar Pengiklanan LED sebagai

bentuk pengiklanan baharu dan penggantian serta pemasangan Lampu Jalan LED.

(iv) **Strategi 4 :Penghasilan dan Penggunaan Mampan**  
dengan meningkatkan kitar semula kepada 70% dan kurangkan beratan sampah sebanyak 50%. Selain itu, kita akan melaksanakan program *Waste To Protein*, *Waste To Compost* dan *Waste To Energy*.

(v) **Strategi 5 :Kehijauan dan Penyerapan** dengan membuat penanaman semula pokok, guna pakai sumber asli untuk penyiraman pokok, memperbanyakkan vertical landscape, pertambahan pocket park, Seberang Perai Smart City untuk menanggani isu pengurusan sisa pepejal, kesesakan lalulintas melalui Smart Traffic Analytics & Recognition System, jenayah & keselamatan melalui CCTV, kawalan banjir melalui sistem rumah pam dan sebagainya.

## **Bandar Pintar**

Antara usaha yang akan dilaksanakan untuk menjadi sebuah bandaraya yang pintar adalah dengan melaksanakan Integrasi Sistem

Video Analitik dan CCTV, Smart Traffic Analytics, pemasangan Greenwave di persimpangan Jalan Bukit Tambun, Jalan Bukit Minyak dan Autocity menggunakan signal dan radio frequency (RF).

MBSP telah menyediakan Garis Panduan supaya setiap pembangunan baru menyediak Lampu LED di tiang lampu yang diselenggarakan oleh MBSP. MBSP juga sedang menyediakan RFP bagi menggantikan lampu jenis SON ke Lampu LED sebanyak 15,000 unit menjelang 2022 secara berperingkat.

**YB Tuan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

Selain daripada pelancaran Hala Tuju Strategik Seberang Perai Ke Arah Bandaraya Pintar dan Mampan, kita akan mengadakan penyampaian hadiah *Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2019* dan juga MBSP akan menandatangani MOU Rakan Strategik bersama tiga belas (13) rakan strategik. Terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaysia Kelantan, United Council Of Local Government (UCLG), United Nation Development Programme (UNDP), Think City, Spirit Of Perai, Autocity, JCI Batu Kawan, Lions Club, Taman Bagan Lallang, Kampong Permatang Nibong dan Kampung Kepala Gajah.

## **YB Tuan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama dengan MBSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa menyokong usaha-usaha MBSP.

Segala perancangan yang dibuat oleh MBSP adalah berteraskan kepada pendekatan atau visi yang diketengahkan oleh Kerajaan Persekutuan ke arah *Post 2020 Development Dimensions* yang merangkumi Ekonomi, *Economic Empowerment* dan *Social Reengineering*. Perancangan MBSP juga merangkumi visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah Penang 2030 yang lebih bersifat *People Centric*. Oleh yang demikian, segala usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP ini seiring dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)* yang diperkenalkan oleh United Nations di mana misi kita adalah sama untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan “**We Value In People’s Voices**”.

Akhir kata, Seberang Perai telah sampai dikemuncak penitian evolusi bandar. Seberang Perai tidak mendapat taraf Bandaraya secara kebetulan. Seberang Perai mencapai taraf Bandaraya di atas usaha gigih *Wira*

Orange, pimpinan yang berwawasan, rakyat yang muafakat. Justeru, marilah kita mempertahankan anugerah ini dengan bertekad memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat bagi mencapai “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif Dan Bandaraya Pintar Dipacu Oleh Teknologi**”.

**Sekian**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**